



31 Januari 2020
31 January 2020
P.U. (A) 45

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PERKHIDMATAN SEJAGAT) (PINDAAN) 2020

POSTAL SERVICES (UNIVERSAL SERVICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN POS 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PERKHIDMATAN SEJAGAT)
(PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(2) dan perenggan 100(*d*) Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Perkhidmatan Sejagat) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2020.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Perkhidmatan Sejagat) 2015 [*P.U. (A) 77/2015*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(*a*) dengan menomborkan semula peraturan 3 yang sedia ada sebagai subperaturan (1);

(*b*) dalam subperaturan (1) yang dinomborkan semula—

(i) dengan memotong perenggan (*b*);

(ii) dalam perenggan (*c*), dengan menggantikan perkataan “surat, poskad dan bungkusan” dengan perkataan “surat dan poskad”; dan

(iii) dalam perenggan (*d*), dengan memotong perkataan “dan bungkusan,”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:

“(2) Perkhidmatan pos asas yang disebut dalam perenggan (a) dan (c) tidak termasuk pungutan, penyaluran atau penyerahan surat secara pukal.”.

Peraturan 15 baharu

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 14 peraturan yang berikut:

“Peti pos persendirian bagi pengguna bukan komersial

15. (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat boleh menyediakan untuk penyewaan suatu peti pos persendirian untuk pengguna bukan komersial secara tahunan, dengan mengenakan fi penyewaan tahunan sebanyak lima puluh ringgit dan deposit sebanyak lima ringgit.

(2) Jika penyewa berhasrat untuk memperbaharui penyewaannya, penyewa itu hendaklah membayar fi penyewaan tahunan bagi tahun berikutnya dalam masa tiga bulan selepas tamat tempoh penyewaan tahunan bagi tahun semasa.

(3) Jika penyewa tidak berhasrat untuk memperbaharui penyewaan bagi tahun berikutnya, penyewa itu hendaklah—

(a) memaklumkan pemegang lesen perkhidmatan sejagat dalam masa satu bulan sebelum tamat tempoh penyewaan tahunan bagi tahun semasa; dan

(b) memulangkan kunci peti pos persendirian apabila tamat tempoh penyewaan tahunan bagi tahun semasa.

(4) Penyewa disifatkan memperbaharui penyewaan bagi tahun yang berikutnya jika penyewa itu tidak mengambil tindakan yang dikehendaki di bawah subperaturan (3).”.

Dibuat 28 Januari 2020

[KKMM/PUU 800-1/4; KKMM.BPK(S)600-4/2/4 JLD.2(44); PN(PU2)501/IV]

GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia

POSTAL SERVICES ACT 2012

POSTAL SERVICES (UNIVERSAL SERVICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 5(2) and paragraph 100(*d*) of the Postal Services Act 2012 [*Act 741*], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Postal Services (Universal Service) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 February 2020.

Amendment of regulation 3

2. The Postal Services (Universal Service) Regulations 2015 [*P.U. (A) 77/2015*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 3—

(*a*) by renumbering the existing regulation 3 as subregulation (1);

(*b*) in the renumbered subregulation (1)—

(i) by deleting paragraph (*b*);

(ii) in paragraph (*c*), by substituting for the words “letters, postcards and parcels” the words “letters and postcards”; and

(iii) in paragraph (*d*), by deleting the words “and parcels,”; and

(*c*) by inserting after the renumbered subregulation (1) the following subregulation:

“(2) The basic postal services referred to in paragraphs (a) and (c) shall not include the collection, transmission or delivery of the letters in bulk.”.

New regulation 15

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 14 the following regulation:

“Private post office box for non-commercial consumer

15. (1) A universal service licensee may provide for rental a private post office box for non-commercial consumer on an annual basis, by imposing an annual rental fee of fifty ringgit and a deposit of five ringgit.

(2) If a renter intends to renew his rental, the renter shall pay the annual rental fee for the following year within three months after the expiry of the annual rental period for the current year.

(3) If a renter does not intend to renew the rental for the following year, the renter shall—

(a) inform the universal service licensee within one month before the expiry of the annual rental period for the current year; and

(b) return the key of the private post office upon the expiry of the annual rental period for the current year.

(4) A renter is deemed to have renewed the rental for the following year if the renter does not take the action required under subregulation (3).”.

Made 28 January 2020

[KKMM/PUU 800-1/4; KKMM.BPK(S)600-4/2/4 JLD.2(44); PN(PU2)501/IV]

GOBIND SINGH DEO

Minister of Communications and Multimedia